

PM Thailand sedia terima nasihat, tunjuk ajar Thaksin kagumi Dr M

BH 10/7/03

BANGKOK: Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra semalam mengakui amat mengagumi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dasar beliau yang merangkumi usaha mempereratkan hubungan dua hala serta matlamat yang sama bagi Asia.

Sambil menyatakan beliau tidak kisah menerima tunjuk ajar Perdana Menteri Malaysia, Thaksin berkata Dr Mahathir memberikan banyak nasihat berguna kepadanya setiap kali mereka bertemu.

"Saya seorang pemimpin baru dan lebih muda. Maka saya tidak mempunyai masalah untuk mengagumi Dr Mahathir dan menganggap beliau sebagai pemimpin lebih senior dari segi kehidupan, politik, usia dan pengalaman.

"Saya sudah mengagumi beliau sejak bertahun-tahun lalu, malah sebelum saya membabitkan diri dalam politik," katanya dalam wawancara dengan

Temu bual penuh di Muka 12 dan 14

Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad di Pejabat Perdana Menteri Thailand, di sini semalam.

Thaksin, seorang ahli perniagaan yang bertukar karier sebagai ahli politik, menjadi Perdana Menteri sejak dua setengah tahun lalu berkata, Dr Mahathir juga mempercepatkan proses mempereratkan hubungan dua hala dengan mencadangkan beberapa aktiviti bersama yang memanfaatkan kedua-dua negara.

Katanya, usaha itu dizahirkan menerusi mesyuarat bersama Kabinet Malaysia dan Thailand di Jitra, Kedah, ketika Hari Raya Puasa tahun lalu yang menarik perhatian seluruh dunia.

"Ia adalah yang pertama seumpamanya di dunia. Itulah yang berlaku di bawah kepemimpinan kami berdua," katanya dalam wawancara selama 45 minit itu.

Ditanya mengenai era selepas Dr Mahathir, Thaksin berkata beliau akan berusaha untuk memperkukuhkan lagi hubungan dua hala itu yang sememangnya erat sejak dulu lagi.

Katanya, beliau sudah lama mengenali Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, iaitu ketika sama-sama menjadi menteri luar.

"Ya, sudah tentu. Saya akan cuba untuk melakukannya yang lebih baik. Bukan kerana saya lebih rapat dengan Abdullah berbanding Dr Mahathir, tetapi kerana saya akan ada di sini lebih lama," katanya.

Thaksin yang menjemput Dr Mahathir menghadiri persidangan Apec di Thailand pada Oktober depan berkata, beliau lega apabila Dr Mahathir menerima jemputan itu.

"Beliau memang baik hati. Adalah satu penghormatan apabila Dr Mahathir membenarkan Abdullah mewakili beliau dalam mesyuarat Apec pada 2002 (di Mexico), tetapi bagi Thailand, beliau sendiri akan hadir pada persidangan ini.

LIHAT MUKA 2 ►

Gerakan pemisah tidak serius: Thaksin

► DARI MUKA 1

"Ini satu penghormatan kepada saya dan Thailand. Kami akan dapat berkongsi sedikit sebahagian daripada sejarah beliau, iaitu mesyuarat Apec terakhir yang dihadiri Dr Mahathir ialah di Thailand," katanya.

Mengenai masyarakat Islam di selatan Thailand, Thaksin yang baru-baru ini melantik Wan Mohamad Nor Matha sebagai Menteri Dalam Negeri berkata, beliau mahu lebih ramai daripada mereka terbabit menyertai politik.

"Kami cuba menjemput mereka menyertai parti kami. Namun, tidak ramai yang benar-benar berminat dalam politik," katanya.

Beliau juga berharap lebih ramai pelajar Thailand, terutama dari selatan, melanjutkan pelajaran di Malaysia.

"Saya difahamkan ramai pelajar Thailand sedang belajar di Universiti Petronas, Saya agak yakin anda juga mahu lihat lebih ramai belajar di sana," katanya.

Thaksin juga berkata, umat Islam di selatan Thai menganggap rakyat Malaysia sebagai 'saudara dan sepupu' mereka.

Ditanya mengenai gerakan pemisah di selatan Thailand serta ancaman penganas beragama Islam, Thaksin berkata ia tidak serius dan sudah ditangani dengan kerjasama Malaysia.

Katanya, masalah di wilayah itu tidak banyak bezanya dengan yang berlaku di rantau lain, iaitu membabitkan aktiviti seperti jenayah terancang, perdagangan wanita dan pencerobohan hutan.

"Tetapi beberapa aktiviti berubah apabila senjata seperti raifal AK47 dan M16 menjadi komoditi di selatan, terutama apabila ia membabitkan Jemaah Islamiah dan Aceh," katanya.

Thaksin juga bersetuju kepimpinan yang lama dan berkemampuan penting bagi memastikan rakyat menikmati pembangunan berterusan seperti yang berlaku di Malaysia dan Singapura.

"Kepimpinan yang lama dan berkemampuan. Anda perlukan ini. Jika anda memiliki ini, secara automatik anda akan mendapat sokongan umum. Ini kerana demokrasi datang daripada rakyat. Jadi, jika anda melakukan sesuatu yang baik untuk rakyat, mereka akan memberi sokongan kepada anda dan memastikan anda terus menerajui negara.

"Pada masa lalu, politik Thailand agak lemah. Kami kehilangan peluang untuk menikmati pembangunan berterusan. Kini sudah tiba masanya untuk Thailand mengembalikan apa yang telah hilang pada masa lalu," katanya.